

## Konsep Kualiti Peribadi: Analisis Tematik untuk Meneroka Atribut Intrapersonal Guru

### *The Concept of Personal Quality: A Thematic Analysis to Explore Teachers' Intrapersonal Attributes*

AZAD IQRAM NADMILAIL, MOHD EFFENDI @ EWAN MOHD MATORE & SITI MISTIMA MAAT

#### ABSTRAK

Kualiti peribadi ditakrifkan sebagai seseorang yang memiliki sifat sensitiviti, kesungguhan dan perasaan tanggungjawab, bertenaga, keyakinan diri dan berkeupayaan untuk bekerja dengan orang ramai. Kualiti peribadi guru pula merujuk kepada ciri, sifat dan atribut yang menjadikan seseorang guru berkesan dan berjaya. Kualiti peribadi guru boleh diukur menerusi indikator sifat dalaman diri atau atribut intrapersonal yang menyerlahkan perwatakan seorang guru. Kualiti peribadi juga dapat menonjolkan sahsiah serta tingkah laku yang unggul dalam memartabatkan profesion keguruan. Kajian ini bertujuan bagi meneroka konsep baharu kualiti peribadi guru berdasarkan atribut intrapersonal dengan menggunakan analisis tematik. Responden kajian terdiri daripada lapan orang golongan profesional dalam bidang pendidikan, perguruan dan sains sosial. Instrumen Soal Selidik Konsepsualisasi berbentuk item respon terbuka digunakan bagi mendapatkan pandangan daripada responden. Perisian Nvivo versi 14 digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Dapatan kajian menemui lima aspek kualiti peribadi guru iaitu keterbukaan kepada pengalaman, keprihatinan, ekstrasversi, kebersetujuan dan efikasi sendiri. Atribut-atribut keterbukaan kepada pengalaman dikenal pasti iaitu keinginan menimba ilmu, kesanggupan mencuba perkara baharu dan penerimaan kepada idea baharu. Aspek keprihatinan merangkumi atribut kebolehpercayaan, tanggungjawab dan kestabilan emosi. Bagi aspek ekstrasversi pula menemui atribut keyakinan, keramahan dan bersemangat. Aspek kebersetujuan menyenaraikan atribut pemimpin, ejen perubahan, komunikatif dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Manakala aspek efikasi sendiri menggariskan atribut berdaya tahan dalam mendidik dan memberi inspirasi dengan berkesan. Justeru, konsep baharu kualiti peribadi ini boleh membantu guru menjadi pendidik yang berkesan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif serta menyokong pembelajaran murid.

*Kata kunci: Kualiti Peribadi, Analisis Tematik, Atribut Intrapersonal, Profesion Keguruan, Standard Guru*

#### ABSTRACT

Personal qualities are defined as a person possessing the qualities of sensitivity, seriousness and feeling of responsibility, energetic, self-confidence and ability to work with people. The personal quality of the teacher refers to the characteristics, traits, and attributes that make a teacher effective and successful. Indicators of internal traits or intrapersonal qualities that highlight the teacher's character can assess a teacher's personal quality. Personal qualities can also highlight the personality and superior behavior that dignify the teaching profession. This study aims to explore the new concept of teachers' personal qualities based on intrapersonal characteristics using thematic analysis. The respondents to the study consisted of eight professionals in the fields of education, teaching, and social sciences. A conceptualization questionnaire in the form of open-ended response options was used to elicit the views of the respondents. Nvivo software, version 14, was used to analyze the data obtained. The results of the study show five aspects of teachers' personal attributes: openness to experience, concern, extraversion, agreeableness, and self-efficacy. The attributes of openness to experience include the desire to acquire knowledge, the willingness to try new things, and the acceptance of new ideas. Aspects of caring include the attributes of reliability, responsibility, and emotional stability. Under the aspect of extraversion are found the attributes of self-confidence, friendliness, and enthusiasm. Under the aspect of agreeableness, the attributes of leadership, willingness to change, communication skills, and imparting knowledge to others are listed. The self-efficacy aspect emphasizes the attributes of resilience to effectively educate and inspire. Thus, this new concept of personal quality can help teachers become effective educators, create a positive learning environment, and support student learning.

*Keywords: Personal Qualities Thematic Analysis, Intrapersonal Attribute, Teaching Profession, Teacher Standard*

## PENGENALAN

Kualiti peribadi sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan para sarjana yang menjalankan kajian berkaitan dengan isu ini. Pelbagai istilah dan definisi telah dikemukakan bagi menjelaskan dengan terperinci berkenaan dengan kualiti peribadi. Namun, bagi menghuraikan dengan lebih lanjut tentang kualiti peribadi, definisi peribadi perlu diperincikan. Peribadi atau personaliti dirujuk sebagai corak pemikiran, perasaan dan tingkah laku individu yang secara relatifnya konsisten dan berterusan, baik merentasi konteks dan merentas masa (McDonald & Letzring, 2020). Personaliti juga dimaksudkan sebagai satu set sifat psikologi stabil yang membezakan seseorang daripada orang lain (Griffin et al., 2020). Schultz & Schultz (2017) mendefinisikan personaliti sebagai kualiti dalaman dan luaran yang tetap dan tersendiri kepada diri sendiri dan ciri-ciri tersebut memberi kesan kepada tingkah laku seseorang dalam pelbagai keadaan.

Cervone & Pervin (2013) pula mentakrifkan personaliti sebagai ciri psikologi yang membawa kepada perkembangan corak sensasi, sikap dan tingkah laku yang unik dan tersendiri sambil kekal konsisten melalui masa dan persekitaran. Personaliti juga ditakrifkan sebagai cara keseluruhan seseorang berkelakuan dan berinteraksi dengan orang lain serta merangkumi gaya tingkah laku dan perasaan yang tekal (Robbins & Judge, 2017). Khairul Anuar (2012) mentafsir personaliti sebagai suatu sistem psiko-fizikal yang dinamik yang memberi panduan kepada seseorang individu bagi menentukan ciri-ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitarannya. Ewen (2010) pula menjelaskan personaliti sebagai fikiran, perasaan dan tingkah laku fizikal yang nyata dalam diri seseorang apabila mereka berada di hadapan orang ramai atau ketika bersendirian.

Tret pula mempunyai perkaitan dengan personaliti. Allport (1927) menghuraikan tret ialah kecenderungan untuk bertindak balas terhadap jenis rangsangan yang berbeza dengan cara yang sama atau setara. Dengan erti kata lain, tret adalah kaedah yang konsisten dan tahan lama untuk bertindak balas terhadap sebarang persekitaran. Allport menegaskan tret personaliti adalah benar dan wujud dalam diri kita masing-masing. Costa & McCrae (1992) pula mendefinisikan tret sebagai perwatakan, corak pemikiran yang tahan lama, emosi dan tingkah laku yang kekal stabil dari semasa ke semasa dan menggambarkan tingkah laku seseorang dalam

apa jua keadaan. Tret personaliti bukanlah satu binaan teori atau label yang telah dihasilkan untuk menerangkan tingkah laku. Malah, tret personaliti boleh menyebabkan berlakunya sesuatu tingkah laku. Namun, ianya tidak wujud hanya sebagai tindak balas kepada rangsangan tertentu semata-mata. Tret personaliti mampu mendorong seseorang individu untuk mencari rangsangan yang sesuai disebabkan interaksi dengan persekitaran bagi menghasilkan tingkah laku. Tret Personaliti boleh dibuktikan secara empirikal. Ketekalan gerak balas seseorang terhadap rangsangan yang sama atau serupa boleh digunakan untuk membuat kesimpulan tentang satu tret personaliti. Walaupun tret personaliti mewakili ciri-ciri yang berbeza, namun sifat tret personaliti mempunyai hubungan dan saling berkaitan.

Reeves & Bednar (1994) menghuraikan bahawa definisi kualiti adalah bersifat subjektif dan bergantung kepada pandangan seseorang individu. Definisi kualiti juga adalah berbeza bagi menjelaskan sesuatu fenomena. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan bahawa kualiti ialah sesuatu yang bernilai, cemerlang, unggul, patuh kepada piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan dan memenuhi atau melebihi jangkaan. Kualiti peribadi atau individu yang mempunyai personaliti yang unggul ditakrifkan sebagai seseorang yang memiliki sifat sensitiviti, kesungguhan dan perasaan tanggungjawab, bertenaga, keyakinan diri dan berkeupayaan untuk bekerja dengan orang ramai (A. Rahman, 2012). Oleh yang demikian, kualiti peribadi digambarkan sebagai seorang individu yang berwawasan, mempunyai akauntabiliti, konsisten, sentiasa bermotivasi, toleransi dan sentiasa komited.

Dalam profesion keguruan, kualiti peribadi merupakan tret positif yang seharusnya dipunyai oleh seorang guru. Kualiti peribadi juga dapat membentuk kualiti kompetensi intrapersonal yang mesti dimiliki oleh guru (Azad Iqram, et al., 2023a). Kompetensi intrapersonal sering dikaitkan dengan kemahiran komunikasi dalaman. Guru yang memiliki kualiti peribadi yang positif ini dapat memberi kesan yang efektif kepada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Malah, guru juga perlu menunjukkan personaliti yang berwibawa dengan menunjukkan kejujuran, boleh dipercayai dan dihormati (Azad Iqram et al., 2023b; Klassen et al., 2020). Kualiti peribadi guru terutamanya di dalam bilik darjah dapat membantu guru bagi memastikan skop tugas guru dapat dilaksanakan dengan baik. Sebagai contoh, guru bertindak sebagai


pemudahcara dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, guru perlu menunjukkan kualiti peribadi yang positif agar murid sentiasa berusaha untuk melakukan yang lebih baik.

Bagi keperluan kepada kajian ini yang berfokuskan kepada bidang perguruan, definisi kualiti peribadi guru akan diteroka. Hal yang demikian kerana penjelasan Kerangka SGM 2.0 mengenai teori yang mendasari domain kualiti peribadi yang menjadi tunjang utama dalam kerangka ini adalah terhad. Malah, domain kualiti peribadi juga tidak menyatakan definisi yang jelas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Domain kualiti peribadi hanya dijelaskan melalui konstruk-konstruk yang terhad. Walau bagaimanapun, huraian tersebut perlu ditambah baik bagi membantu pemegang taruh untuk memahami dengan lebih lanjut tentang konstruk-konstruk yang terkandung dalam kerangka tersebut. Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk mentafsir semula konsepsualisasi dan operasionalisasi Kerangka SGM 2.0. Oleh

yang demikian, Kajian ini bertujuan bagi meneroka konsep baharu kualiti peribadi guru berdasarkan atribut intrapersonal dan teori-teori berkaitan.

## TINJAUAN LITERATUR

Terdapat model dan teori yang mendasari kualiti peribadi bagi menjelaskan definisi secara konsep dan operasi. Kualiti peribadi merupakan salah satu domain dalam Kerangka SGM 2.0. Big Five Personality Model menjelaskan personaliti dengan menggunakan lima dimensi. Teori Efikasi Kendiri menjelaskan tingkah laku bermotivasi tinggi sebagai proses kognitif sedar yang melibatkan keupayaan untuk menjangka objektif dan ganjaran. Justeru, tinjauan literatur membincangkan tentang penerokaan terhadap Big Five Personality Model dan Teori Efikasi Kendiri bagi mentakrifkan secara konsepsualisasi dan operasionalisasi kualiti peribadi.



RAJAH 1. Teori Mendasari Kualiti Peribadi

## STANDARD GURU MALAYSIA 2.0

Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) digubal dengan mengambil kira kesesuaian perubahan dalam bidang pendidikan abad ke-21 dan revolusi industri 4.0. Justeru, dokumen ini dapat membantu guru untuk merancang hala tuju pembangunan profesionalisme mengikut keperluan masing-masing. SGM 2.0 menggariskan empat domain yang perlu dimiliki oleh guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di samping empat teras etika keguruan bagi

memastikan profesion keguruan sentiasa dipandang mulia oleh masyarakat. Malah, SGM 2.0 juga turut memberi peluang kepada pemegang taruh dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan kualiti organisasi dan perkhidmatan pendidikan. Empat domain yang digariskan dalam SGM 2.0 ialah domain kualiti peribadi, domain pelibatan komuniti, domain instruksional dan domain orientasi ilmu. Kesemua gabungan komponen ini dilihat berupaya menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai entiti yang mantap, efektif dan berkualiti. Rajah 1 menunjukkan Kerangka SGM 2.0.



RAJAH 2. Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0

Setiap domain dilengkapi dengan beberapa konstruk bagi memberi panduan kepada guru dalam mencapai tahap kompetensi yang diharapkan. Bagi domain kualiti peribadi, terdapat empat konstruk yang mendokong domain ini. Konstruk-konstruk tersebut ialah menerima kepelbagaian budaya; mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah; menjiwai amalan keguruan; dan mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri. Semua konstruk tersebut menggambarkan domain kualiti peribadi yang perlu dicapai oleh seorang guru dalam menunaikan tanggungjawab seorang pendidik. Domain kedua pula ialah domain pelibatan komuniti yang menyenaraikan tiga konstruk iaitu meraikan kepelbagaian komuniti; melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid; dan membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/ penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid. Ketiga-tiga konstruk ini menjelaskan bahawa seorang guru perlu sentiasa membina hubungan yang baik bukan sahaja dengan komuniti dalam sekolah malah dengan komuniti luar sekolah di samping bersama-sama berpadu tenaga dan mengamalkan sikap bekerjasama. Secara ringkasnya, domain kualiti peribadi dan domain pelibatan komuniti mendidik guru supaya mempunyai tahap kompetensi bukan kognitif yang tinggi.

Domain instruksional pula menetapkan empat konstruk iaitu memfokuskan perkembangan potensi murid; merancang pengajaran dan pembelajaran; melaksanakan pengajaran dan pembelajaran; dan melaksanakan pentaksiran pembelajaran. Keempat-empat aspek kompetensi tersebut mewakili proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan bidang akademik dan kokurikulum melalui pembelajaran dalam bilik darjah serta pembelajaran

luar bilik darjah. Bagi domain orientasi ilmu, tiga konstruk diserlahkan bagi mendokong domain ini. Aspek kompetensi tersebut ialah mendalami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran; memahami falsafah, dasar, kurikulum dan trend pendidikan terkini; dan meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini. Ringkasnya, konstruk-konstruk yang dinyatakan dalam domain instruksional dan domain orientasi ilmu ini menetapkan aspek intelektual yang perlu dicapai oleh seorang guru bagi memastikan tanggungjawab melibatkan pengajaran dan pembelajaran sentiasa berkualiti tinggi dan unggul.


SGM 2.0 merupakan satu dokumen yang menerangkan dengan jelas tentang aspek kompetensi yang perlu menjadi panduan seseorang guru bagi memastikan kualiti pengajaran yang disampaikan sentiasa berada di tahap yang terbaik. Di samping itu, dokumen ini juga turut membantu pemegang taruh bagi memastikan individu atau organisasi yang terlibat mempunyai hala tuju dalam membangunkan profesional pendidikan agar selari dengan pendidikan abad ke-21 dan revolusi perindustrian 4.0. Walau bagaimanapun, dokumen ini belum dihuraikan secara menyeluruh bagi setiap domain dan konstruk yang terkandung di dalamnya. Oleh yang demikian, dokumen ini seharusnya diperincikan bagi menjelaskan setiap domain dan konstruk yang terkandung supaya setiap pemegang taruh, individu mahu pun institusi yang terlibat memperoleh manfaat yang lebih baik. Tuntasnya, tanggungjawab dalam melahirkan seorang guru yang berjiwa pendidik dan berkualiti tinggi adalah tanggungjawab pelbagai pihak yang terlibat sama ada sebagai tonggak utama mahupun tonggak sokongan.

## BIG FIVE PERSONALITY MODEL

## Konsep

Big Five Personality Model menjelaskan personaliti dengan menggunakan lima dimensi yang luas dan setiap dimensi menggunakan sekelompok tretret personaliti (Fatimah Wati & Ling, 2016). Pembinaan Big Five Personality Model bermula pada tahun 1940-an oleh Raymond Cattel bagi mengukur keperibadian individu. Model yang dibina oleh Raymond Cattel ini adalah berdasarkan kepada pendekatan penggunaan 68 bahasa dalam menerangkan personaliti dan tidak menggunakan psikologi. Perkembangan model ini akhirnya menghasilkan *16 Personality Factor* (16PF)

*Questionnaire*. Kemudian, pada tahun 1961, Ernest Tupes dan Raymond Christal menganalisis data personaliti yang dibina oleh Cattel dengan menghasilkan Big Five Personality Model yang signifikan dan stabil iaitu *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Sejak itu, ramai penyelidik yang mengkaji personaliti telah menggunakan penemuan tersebut dengan membuat kajian yang lebih lanjut. Malah, Big Five Personality Model semakin luas digunakan dalam pelbagai bahasa dan budaya serta pelbagai hasil dapatan kajian menemukan hubungan yang signifikan. Rajah 2 menunjukkan Big Five Personality Model.



RAJAH 3. Big Five Personality Model

Big Five Personality Model secara umumnya telah diterima secara meluas di seluruh dunia sebagai salah satu kerangka dalam mengkonseptualisasikan personaliti manusia pada radius yang lebih luas dan pelbagai. Malah, terdapat juga beberapa sarjana dan penyelidik yang menghuraikan secara khusus Big Five Personality Model dengan menerangkan kecenderungan personaliti seperti NEO-PI-R, HEXACO-PI-R dan sebagainya. Hal yang demikian menggambarkan bahawa Big Five Personality Model sebagai tunjang utama dalam menghuraikan ciri-ciri personaliti manusia di samping mengkonseptualisasikannya secara merentas bahasa, budaya dan konstruk-onstruk lain yang berkaitan.

## Dimensi Big Five Personality Model

## 1. Keterbukaan Kepada Pengalaman

Keterbukaan kepada pengalaman adalah dimensi keperibadian dikaitkan dengan kesediaan untuk terlibat dengan rangsangan persekitaran yang kompleks dan baharu seperti idea, individu, budaya, sensasi serta pengalaman lain. Menurut Stoll et al. (2020), keterbukaan kepada pengalaman ialah kecenderungan untuk menghargai idea, nilai dan tingkah laku sesuatu yang baharu. *Openness to experience* juga adalah dimensi yang dicirikan oleh keinginan untuk memperluas dan menambah pengalaman intelektual seseorang dengan mencari maklumat yang baharu (Boyd, 2020). Dimensi ini

mbolehkan individu itu berimajinasi, mempunyai sifat ingin tahu dan kreatif (Abd Rahman, 2010). Merujuk kepada Inventori Personaliti NEO Semakan (NEO-PI-R) yang digambarkan oleh Costa & McCrae (1992), tret ini mempunyai komponen personaliti seperti kebolehan berimajinasi, minat terhadap seni, beremosi, minat cabaran, intelektual dan mempunyai kebebasan. Dalam konteks profesion keguruan, kajian yang dijalankan oleh Kumar dan Vasimalairaja (2019) menjelaskan guru sentiasa bersedia untuk meneroka kaedah pengajaran baharu, menggabungkan teknologi baharu dan pengajaran yang berbeza. (Amadhila & Guest, 2022). Mereka juga mempunyai semangat yang tulus untuk belajar dan tidak takut untuk melangkah keluar dari zon selesa mereka. Kajian yang dijalankan oleh Amadhila dan Guest (2022) menjelaskan bahawa guru sentiasa berfikiran terbuka dan menerima perubahan. Gan et al., (2021) turut menjelaskan guru sentiasa mendapatkan maklum balas dan meneroka kaedah efektif dalam pengajaran.

## 2. Keprihatinan

Keprihatinan mewakili perbezaan individu yang stabil dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang menjadikan seseorang individu itu unik (Turiano, 2020). Individu yang mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi mempunyai tingkah laku yang lebih terarah, terkawal dan bertanggungjawab selain daripada bijak merancang sesuatu dan sentiasa mematuhi peraturan atau norma yang ditetapkan. Keprihatinan ialah kecenderungan untuk sentiasa berhati-hati, menepati masa, patuh kepada peraturan dan rajin (Stoll et al., 2020). Tret ini terdiri daripada komponen personaliti iaitu kecekapan diri, keteraturan, rasa tanggungjawab, keinginan berprestasi, disiplin diri dan berhati-hati (Costa & McCrae, 1992; Fatimah Wati & Ariffin, 2015). Secara umumnya, kumpulan individu yang tergolong dalam tret personaliti ini dianggap mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dan rasional dalam membuat keputusan. Golongan ini juga digambarkan sebagai kemas, menepati masa dan teratur. Walau bagaimanapun, golongan ini kadang kala tidak terlalu mengikut peraturan tetapi masih melakukan sesuatu perkara dengan betul dan cermat. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa individu yang mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi adalah seseorang yang boleh dipercayai serta seorang yang realistik. Dalam konteks profesion keguruan, Harlen dan Qualter (2018) menjelaskan guru sentiasa rasional

dalam membuat keputusan dan mempertimbangkan sesuatu perkara. Fütterer et al. (2023) pula menerangkan bahawa guru yang boleh dipercayai sebagai seorang guru yang mempunyai keprihatinan yang tinggi. Lei et al. (2018) pula menegaskan bahawa guru sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi, di samping bertanggungjawab dengan setiap tugas yang diberikan.

## 3. Ekstraversi

Ekstraversi adalah dimensi variasi keperibadian merangkumi perbezaan individu dalam tingkah laku pergaulan, ketegasan, emosi yang sentiasa positif, mudah mempengaruhi dan bermotivasi (Lukaszewski, 2020). Ekstraversi didefinisikan sebagai kecenderungan untuk bercakap, bergaul dan bergembira dengan orang lain serta mempunyai kecenderungan untuk mempunyai gaya yang lebih dominan (Stoll et al., 2020). Secara konseptualnya, sifat ekstraversi menunjukkan implikasi kepada individu yang sentiasa bertenaga secara sosial (John, 2021). Costa & McCrae (1992) menjelaskan tret ini terdiri daripada komponen personaliti iaitu peramah, suka berkawan, kecenderungan mendesak atau asertif, mencari keseronokan, sentiasa ceria dan suka beraktiviti. Dalam konteks profesion keguruan, Lukaszewski (2020) menjelaskan guru yang mesra dan mudah didekati oleh sesiapa di dalam sekolah merupakan seorang individu yang mempunyai nilai ekstraversi yang tinggi. Guru juga sentiasa menunjukkan keseronokan berinteraksi dengan orang lain. Deng et al. (2020) turut menjelaskan bahawa guru yang menunjukkan sifat optimistik mempunyai nilai ekstraversi yang tinggi. Guru juga sentiasa memberi sokongan dan galakkan kepada murid khususnya dalam menghadapi setiap cabaran untuk menyiapkan tugas.

## 4. Kebersetujuan

Kebersetujuan dikaitkan dengan sikap altruistik, menghargai, patuh, mempercayai, mempunyai sikap murah hati, bersimpati dan peramah (Furnham, 2020). Sikap altruistik ialah personaliti yang lebih mengutamakan kebajikan, kebahagiaan dan kepentingan orang lain berbanding dengan kebajikan, kebahagiaan dan kepentingan diri sendiri. Menurut Stoll et al. (2020), kebersetujuan ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk setuju dan bergaul dengan orang lain daripada menegaskan pendapat dan pilihan sendiri. Oleh yang demikian, tret ini juga membezakan individu yang memiliki skor tinggi

lebih cenderung memiliki ciri-ciri seperti baik hati, bersopan santun, bersimpati dan bekerjasama berbanding individu yang mempunyai skor rendah yang gemar bertengkar, bermusuhan dan suka mencari kesalahan orang lain (Redzuan & Abdullah, 2004). Dalam konteks profesion keguruan, Eryilmaz (2014) menjelaskan guru yang sentiasa menghargai hubungan dengan komuniti sekolah mempunyai nilai kebersetujuan yang tinggi. Guru sentiasa mementingkan persekitaran yang menyokong pembelajaran murid. Al Hashmi & Klassen (2019) turut menegaskan guru yang mempunyai nilai kebersetujuan yang tinggi mempunyai nilai simpati dengan orang lain, keinginan untuk membantu, dan tidak mementingkan diri sendiri.

### 5. Neurotisme

Neurotisme merupakan dimensi personaliti yang kerap mengalami emosi negatif yang kuat dan disertai dengan ketidakupayaan yang dirasakan untuk mengatasi pengalaman-pengalaman yang menyakitkan dan pahit. Neurotisme juga bermaksud kecenderungan untuk mengalami emosi negatif seperti kemarahan, kebimbangan dan kesedihan serta menjadi sensitif dengan orang lain (Stoll et al., 2020). Menurut Costa & McCrae (1992), tret ini terdiri daripada komponen personaliti iaitu keresahan, kebimbangan, kerisauan, kemurungan, sifat pemaarah, kurang kawalan diri dan mudah terjejas. Kumpulan individu yang tergolong dalam kumpulan ini dianggap sebagai mudah cemas, sentiasa kluatir dan kecenderungan untuk sentiasa mengalami kerisauan. Oleh yang demikian, neurotisme ini boleh dikaitkan dengan kawalan emosi seseorang ketika berhadapan dengan situasi yang mempengaruhinya. Dalam konteks profesion keguruan, Buela dan Joseph C. (2015) menjelaskan guru yang mempunyai sifat neurotisme tinggi menunjukkan guru yang tidak kompeten dan tidak memberi kesan positif kepada murid. Scheepers et al. (2014) pula menjelaskan guru yang mempunyai neurotisme yang tinggi berhubung kait dengan ketidakstabilan emosi, kemurungan dan sentiasa tertekan.

## TEORI EFIKASI KENDIRI

### Konsep

Teori efikasi sendiri menjelaskan tingkah laku bermotivasi tinggi sebagai proses kognitif sedar yang melibatkan keupayaan untuk menjangka

objektif dan ganjaran, serta aplikasi pertimbangan, penilaian dan membuat keputusan. Teori ini menerangkan tahap keyakinan seseorang terhadap kebolehnya melakukan sesuatu tugas tertentu (Bandura, 1978). Berdasarkan teori ini, konsep determinisme timbal balik iaitu kitaran interaksi antara faktor kognitif, persekitaran dan tingkah laku digunakan dalam teori ini untuk membolehkan seseorang individu mengkaji persekitarannya bagi menghasilkan tingkah laku yang sesuai berdasarkan pengetahuan sedia ada. Bandura (1978) menjelaskan bahawa jangkaan terhadap efikasi adalah berbeza berbanding jangkaan terhadap hasil atau keputusan. Jangkaan efikasi merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keberhasilan dalam membentuk tingkah laku yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu keputusan. Manakala jangkaan terhadap hasil atau keputusan berkaitan dengan sangkaan bahawa tingkah laku tertentu akan menghasilkan suatu keputusan tertentu.

Berdasarkan Teori Efikasi Kendiri, Bandura (1978) meramalkan bahawa individu yang mempunyai rasa efikasi sendiri yang tinggi akan bekerja dengan lebih berhati-hati dan tekun walaupun dalam situasi yang mencabar berbanding individu yang meragui bakat mereka sendiri. Malah, adalah penting bagi individu untuk mempercayai kebolehan mereka sendiri kerana ia boleh membantu dan memperkasakan mereka untuk mengawal tingkah laku, usaha, ketabahan, keadaan emosi dan proses mental mereka. Oleh yang demikian, individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan dapat menyelesaikan aktiviti yang sukar kerana mereka akan menganggap kesukaran itu sebagai cabaran yang mesti ditempuhi. Untuk mencapai objektif mereka, mereka menetapkan matlamat untuk diri mereka sendiri dan melihat kegagalan dan cabaran sebagai halangan yang boleh diatasi dengan meningkatkan usaha, pengetahuan, dan kebolehan.

Dalam konteks profesion keguruan, Masturah dan Khalip (2018) menjelaskan guru yang mempunyai efikasi sendiri yang positif menunjukkan keupayaan untuk menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik. Idawati dan Wan Azlinda (2018) pula menerangkan efikasi sendiri penting dalam kalangan guru bagi pengurusan guru dalam bilik darjah, penglibatan guru dengan murid dan pengajaran dan pembelajaran guru. Efikasi sendiri juga amat penting dalam kalangan guru bagi meningkatkan motivasi dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan (Klassen et al., 2016).

### Sumber Efikasi Kendiri

Bandura (1997) menyatakan bahawa efikasi sendiri ini tidak dizahirkan dan wujud secara genetik, sebaliknya efikasi sendiri dihasilkan dan dikembangkan melalui empat sumber utama iaitu pengalaman masteri, pengalaman gantian, pujukan lisan dan rangsangan emosi. Sumber efikasi sendiri yang pertama dan utama ialah melalui pengalaman masteri. Pengalaman masteri adalah pengalaman realiti yang dipunyai oleh seseorang dan ianya menjadi sumber efikasi diri yang paling berpengaruh. Malah, tiada yang lebih hebat daripada mempunyai pengalaman masteri secara langsung untuk meningkatkan efikasi sendiri. Oleh yang demikian, untuk mempunyai efikasi diri yang berdaya tahan memerlukan pengalaman dalam mengatasi halangan dan cabaran melalui usaha dan ketabahan.

Sumber kedua efikasi sendiri ialah pengalaman gantian atau *vicarious*. Pengalaman gantian atau *vicarious* muncul daripada pemerhatian seseorang terhadap orang di sekelilingnya terutamanya orang yang dianggap sebagai suri teladan. Dengan memerhatikan individu lain berjaya melalui usaha yang berterusan akan meningkatkan kepercayaan sendiri untuk mempunyai keupayaan menguasai sesuatu yang diperlukan untuk berjaya. Sumber seterusnya ialah pujukan verbal iaitu kaedah atau cara efikasi sendiri yang diperoleh daripada orang yang berpengaruh dalam kehidupan seharian seperti keluarga, guru, sahabat atau ketua jabatan melalui bimbingan dan dorongan yang boleh menguatkan kepercayaan sendiri tentang kekuatan yang dimiliki untuk berjaya.

Sumber terakhir iaitu rangsangan emosi adalah keadaan fisiologi individu yang boleh mempengaruhi cara seseorang untuk membuat penilaian terhadap efikasi sendiri. Keadaan fisiologi ini bergantung kepada situasi yang positif atau negatif. Sebagai contoh, keadaan fisiologi negatif seperti kemurungan boleh merencat dan melemahkan keyakinan terhadap keupayaan seseorang. Berbanding dengan keadaan yang ceria pula boleh meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan dan kebolehan yang dimiliki.

### METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menggunakan soal-selidik berbentuk respon terbuka. Soal selidik respon terbuka membenarkan responden untuk menjawab dengan cara yang mereka pilih (Sekaran & Bougie, 2016).

Soal selidik respon terbuka ini digunakan bagi mendapatkan pandangan pakar berkenaan konsep dan definisi bagi domain kualiti peribadi dalam konteks profesion keguruan. Hal ini disebabkan teori yang mendasari domain kualiti peribadi dalam kerangka SGM 2.0 tidak dinyatakan. Malah, domain kualiti peribadi juga tidak diberikan definisi yang jelas dan hanya diuraikan melalui bilangan konstruk yang terhad. Huraian tersebut juga perlu ditambah baik bagi membantu pemegang taruh untuk memahami dengan lebih lanjut tentang konstruk-konstruk yang terkandung dalam kerangka tersebut. Oleh yang demikian, soal selidik respon terbuka digunakan bagi memperoleh pelbagai respon berdasarkan tinjauan yang sukar (Krosnick & Presser, 2009).

Soal selidik respon terbuka ini juga amat bersesuaian bagi mendapatkan pelbagai pandangan daripada pakar tentang konsep, definisi dan konstruk-konstruk baharu domain kualiti peribadi. Pengumpulan data secara talian digunakan sepanjang kajian ini kerana penggunaan instrumen secara atas talian adalah cepat dan mudah (Bougie & Sekaran, 2020). Internet dapat digunakan dengan sepenuhnya agar memudahkan penyelidik untuk menghubungi responden yang sukar dihubungi secara bersemuka, selain daripada menjimatkan masa, tenaga dan kos perbelanjaan (Bougie & Sekaran, 2020). Responden diberikan tempoh selama dua minggu bagi menjawab dua soalan berkaitan konsep dan konstruk-konstruk baharu bagi kualiti peribadi. Dua soalan yang perlu dijawab oleh responden adalah seperti berikut:

1. Pada pandangan anda, bagaimana kualiti peribadi ditakrifkan dalam konteks profesion keguruan?
2. Huraikan bagaimana ciri-ciri kualiti peribadi yang dinyatakan dapat dikaitkan dengan konteks profesion keguruan selain daripada yang dinyatakan dalam Kerangka SGM 2.0?

Responden yang dipilih adalah terdiri daripada lapan (8) orang pakar iaitu tiga (3) orang pakar profesional dan lima (5) orang pakar lapangan yang terdiri daripada bidang psikologi, bidang pendidikan guru dan bidang sosial. Mereka terdiri daripada seorang pakar psikologi Institut Pendidikan Guru; dua (2) orang pensyarah di Institut Pendidikan Guru; dua (2) orang pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia; dua (2) orang pensyarah universiti awam yang mempunyai latar belakang dalam bidang psikologi; dan seorang pegawai di



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara. Semua pakar yang dipilih adalah mempunyai pengalaman melebihi lima (5) tahun dalam bidang masing-masing.

JADUAL 1. Demografi Responden Kajian

Responden Kajian	Institusi	Jawatan	Pengalaman Bekerja
RK1	Kementerian Belia dan Sukan	Pegawai Perkhidmatan Sosial	6 - 10 tahun
RK2	Institut Pendidikan Guru	Pensyarah IPG	21 - 25 tahun
RK3	Institut Pendidikan Guru	Pensyarah IPG	Lebih 30 tahun
RK4	Institut Pendidikan Guru	Kaunselor IPG	Lebih 30 tahun
RK5	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pensyarah Kanan	21 -25 tahun
RK6	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pensyarah Kanan	Lebih 30 tahun
RK7	Universiti Teknologi Malaysia	Pensyarah Universiti	16 - 20 tahun
RK8	Universiti Teknologi Mara	Pensyarah Universiti	6 - 10 tahun

Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang terdiri daripada institusi bekerja, jawatan dan pengalaman bekerja. Semua respon yang diberikan kemudiannya direkodkan dan ditranskrip. Data yang telah ditranskrip kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) menggunakan perisian Nvivo versi 14. Kemudian, kod-kod diterbitkan mengikut kategori yang dikenal pasti. Langkah seterusnya, kategori dikelaskan mengikut tema-tema yang paling banyak diperolehi. Selanjutnya, tema-tema yang tersenarai sama diteliti semula ada berkaitan dengan domain-domain yang diukur. Konstruksi-konstruksi baharu yang terbentuk diterbitkan berdasarkan konsep dan definisi domain kualiti peribadi.

## DAPATAN KAJIAN

### KONSEP KUALITI PERIBADI

1. Pada pandangan anda, bagaimana kualiti peribadi ditakrifkan dalam konteks profesion keguruan?

Berdasarkan soalan tersebut, responden telah memberikan pelbagai maklumat bagi menjawab persoalan tersebut. Data dan maklumat tersebut diringkaskan dalam bentuk kod-kod tertentu. Kod-kod diperolehi menggunakan pendekatan diterajui teori iaitu menggunakan Model Personaliti Lima Utama dan Teori Efikasi Kendiri. Seterusnya, kod-kod tersebut disusun mengikut sub-tema terlebih dahulu. Sebanyak 26 kod telah dijana dan lima (5) tema telah dibina bagi mendapatkan definisi dan konsep kualiti peribadi. Kod-kod yang dijana dan tema yang dibina adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Kod dan Tema Kualiti Peribadi

Kod	Tema
Ilmu pengetahuan, keterbukaan, kefahaman ilmu, kreatif, inovatif	Keterbukaan Kepada Pengalaman
Stabil emosi, bijak membuat keputusan, dedikasi, berjiwa pendidik, fleksibiliti, sensitiviti tinggi	Keprihatinan
Pemimpin, ejen perubahan, ejen sosialisasi, sahsiah positif, berkemahiran komunikasi, penyampai ilmu	Ekstraversi
Menjaga kebajikan, kebersamaan, penyayang	Kebersetujuan
Suri teladan, patriotisme, berdaya tahan, efektif, kredibiliti, yakin	Efikasi sendiri

Berdasarkan Jadual 2, lima tema yang ditemui ialah keterbukaan kepada pengalaman, keprihatinan, ekstraversi, kebersetujuan dan efikasi sendiri. Keterbukaan kepada pengalaman diwakili oleh elemen ilmu pengetahuan, keterbukaan, kefahaman ilmu, kreatif dan inovatif. Keprihatinan pula diwakili elemen stabil emosi, bijak membuat keputusan,

dedikasi, berjiwa pendidik, fleksibiliti dan sensitiviti tinggi. Enam elemen mewakili ekstraversi iaitu pemimpin, ejen perubahan, ejen sosialisasi, sahsiah positif, berkemahiran komunikasi dan penyampai ilmu. Kebersetujuan merangkumi menjaga kebajikan, kebersamaan dan penyayang. Efikasi sendiri pula diwakili suri teladan, patriotisme,

berdaya tahan, efektif, kredibiliti dan yakin. Semua responden berpandangan bahawa kualiti peribadi berdasarkan konteks profesion keguruan ditakrifkan sebagai seorang pendidik yang bersifat terbuka kepada idea-idea dan pengalaman baharu, mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi, memiliki nilai ekstraversi yang kuat, mengutamakan nilai kebersetujuan dan menjadi suri teladan yang unggul.

Keterbukaan kepada pengalaman ditakrifkan oleh responden merangkumi ilmu pengetahuan, keterbukaan, kefahaman ilmu, kreatif dan inovatif. Keterbukaan kepada pengalaman ialah sifat personaliti guru yang merujuk kepada kesanggupan individu untuk terbuka kepada idea, pengalaman dan cara berfikir baharu. Guru mempunyai ciri-ciri seperti ingin tahu, kreatif dan berfikiran terbuka. Mereka cenderung untuk mencari pengalaman baharu dan bersedia untuk belajar dan mencuba perkara baharu. Mereka juga mungkin lebih terbuka kepada sudut pandangan dan cara melakukan sesuatu yang berbeza. Guru cenderung mempunyai pelbagai minat dan mungkin ingin tahu tentang pelbagai topik yang berbeza. Mereka selalunya lebih berpengetahuan daripada orang lain kerana mereka mempunyai kesediaan untuk belajar dan meneroka idea baru. Mereka juga mungkin lebih inovatif kerana mereka terbuka kepada cara berfikir baharu dan tidak takut mencuba idea baharu. Beberapa contoh pernyataan berikut menerangkan perkara tersebut.

“...seseorang guru mampu serta berupaya mencetuskan idea-idea baru, asli dan berjaya mengimplementasi idea tersebut ke arah yang lebih baik.”

(RK1)

“...nilai-nilai murni berasaskan kepada kefahaman ilmu, patriotism, dan pemupukan budaya ilmu berpekerti mulia. Tuntasnya, kualiti peribadi keguruan merujuk kepada amalan nilai-nilai murni, perlakuan guru yang penyayang, bepekerti mulia, berdaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif dan patuh kepada etika profesion keguruan.”

(RK2)

“Guru juga perlu mempunyai keintelektualan yang tinggi dan sentiasa menambah ilmu yang sedia ada supaya relevan dengan situasi semasa.”

(RK5)

“...kualiti peribadi dari aspek selalu mahu memperbaiki diri dan mempunyai insentif untuk menambah baik pengetahuan sedia ada.”

(RK8)

Keprihatinan pula dijelaskan oleh responden dengan melibatkan stabil emosi, bijak membuat keputusan, dedikasi, berjiwa pendidik, fleksibiliti dan sensitiviti tinggi. Sebagai seorang guru, keprihatinan adalah sifat personaliti yang penting untuk dimiliki kerana ia dikaitkan dengan kebolehpercayaan, tanggungjawab, dan kestabilan emosi. Guru mempunyai sifat teratur, berdedikasi dan boleh dipercayai serta mereka mungkin amat berkesan dalam menetapkan dan mencapai matlamat. Mereka juga mungkin lebih peka terhadap keperluan pelajar mereka dan lebih cenderung untuk mengambil peranan kepimpinan. Guru yang prihatin juga amat berkesan dalam membuat keputusan yang bijak dan merancang dan melaksanakan tugas dengan berkesan. Mereka dapat mengurus emosi dengan berkesan dan mengendalikan tekanan dengan cara yang sihat. Beberapa pernyataan berikut menjelaskan perkara tersebut.

“...bijak membuat keputusan dan mengendalikan sesuatu perkara yang sukar, memiliki sensitiviti dan keprihatinan yang tinggi.”

(RK1)

“Kualiti peribadi yang perlu ada pada seorang guru ialah berjiwa pendidik, fleksibiliti, professional, berkemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal, stabil emosi, sahsiah positif, yakin, penyabar, penerimaan tanpa syarat, kebersamaan dan lain- lain.”

(RK4)

Responden kajian menjelaskan ekstraversi sebagai pemimpin, ejen perubahan, ejen sosialisasi, mempunyai sahsiah positif, berkemahiran komunikasi dan penyampai ilmu. Ekstraversi ialah sifat personaliti guru yang merujuk kepada kecenderungan individu untuk bersikap terbuka, bertenaga dan tegas. Guru mempunyai ciri-ciri seperti yakin dan mudah bergaul. Mereka juga seronok berada di sekeliling orang lain. Mereka mungkin lebih cenderung untuk mencari pengalaman baharu dan secara amnya lebih bertenaga dan aktif.

Sebagai seorang pemimpin, guru yang mempunyai sifat ekstraversi yang tinggi amat berkesan untuk mengumpul dan memberi inspirasi kepada orang lain. Mereka dapat menyampaikan visi dan matlamat mereka dengan berkesan kepada pasukan mereka. Selain itu, mereka juga mahir dalam membina hubungan dan menginspirasi kerjasama. Mereka juga boleh menggunakan tenaga untuk menjana semangat dan momentum untuk perubahan. Guru juga dapat menjadi ejen sosialisasi

yang berkesan kerana mereka cenderung bersikap mesra dan mudah bergaul. Mereka boleh melibatkan diri dan berhubung dengan orang lain secara berkesan dan mereka mahir dalam membawa orang ramai bersama-sama bagi memudahkan interaksi sosial. Beberapa pernyataan responden menjelaskan perkara berikut.

“...memiliki kebolehan dan keupayaan dalam mendorong anak didik dan rakan sejawat ke arah yang lebih baik...”

(RK1)

“kualiti peribadi ditakrifkan sebagai ciri-ciri atau sifat-sifat yang perlu ada pada seorang guru sebagai penyampai ilmu, agen perubahan dan agen sosialisasi. Kualiti peribadi yang perlu ada pada seorang guru ialah berjiwa pendidik, fleksibiliti, profesional, berkemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal, stabil emosi, sahsiah positif...”

(RK4)

Kebersetujuan dijelaskan oleh responden melalui aspek menjaga kebajikan, kebersamaan dan penyayang. Kebersetujuan ialah sifat personaliti yang merujuk kepada kecenderungan individu untuk bekerjasama, baik hati dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Guru cenderung untuk berempati, mengambil berat dan berminat dengan kesejahteraan orang lain. Mereka juga lebih cenderung untuk mengutamakan keperluan orang lain daripada keperluan mereka sendiri dan mengutamakan perhubungan dan keharmonian sosial.

Sebagai seorang guru, sikap kebersetujuan adalah sifat personaliti yang penting untuk dimiliki kerana ia dikaitkan dengan menjaga kebajikan orang lain khususnya murid. Guru mengambil berat tentang kesejahteraan dan kebahagiaan murid dan lebih cenderung untuk mengutamakan keperluan murid daripada keperluan mereka sendiri. Mereka juga lebih berminat untuk menggalakkan rasa kebersamaan dan komuniti dalam bilik darjah. Guru amat berkesan dalam membina hubungan positif dengan murid dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan penyayang. Mereka mahir mengurus konflik dan mengekalkan suasana bilik darjah yang positif. Beberapa pernyataan responden menjelaskan perkara berikut.

“Kualiti peribadi yang perlu ada pada seorang guru ialah berjiwa pendidik, fleksibiliti, profesional, berkemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal, stabil emosi, sahsiah positif, yakin, penyabar, penerimaan tanpa syarat, kebersamaan, dan lain- lain.”

(RK4)

“Seorang guru juga perlu mempunyai jiwa guru untuk mendidik anak bangsa, berdedikasi terhadap pengajaran, menjaga kebajikan murid dan melaksanakan PDPc dengan cara yang mudah untuk difahami.”

(RK5)

Responden menjelaskan efikasi sendiri melalui aspek suri teladan, patriotisme, berdaya tahan, efektif, kredibiliti dan yakin. Efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk mengajar dengan berkesan dan mempengaruhi murid secara positif. Patriotisme atau cinta akan negara membantu seorang guru berasa yakin memberi inspirasi kepada murid agar menjadi warganegara yang aktif. Ketahanan atau keupayaan untuk bangkit daripada cabaran atau halangan juga menyumbang kepada efikasi sendiri guru.

Guru sering menghadapi cabaran dalam bilik darjah seperti murid yang sukar atau sumber yang terhad. Seorang guru yang tabah yakin menghadapi cabaran dan terus percaya dengan kebolehan mereka untuk mengajar dengan berkesan dan memberi impak positif kepada murid. Satu lagi aspek penting dalam efikasi sendiri guru ialah keberkesanan atau kapasiti untuk menghasilkan keputusan yang diingini. Seorang guru yang cemerlang dalam mengajar dan membantu murid dalam pembelajaran berasa selesa dalam kemahiran mereka dan mendapat inspirasi untuk meneruskan pengajaran. Menjadi suri teladan juga merupakan aspek penting dalam efikasi sendiri guru. Guru sering dilihat sebagai teladan oleh murid. Seorang guru yang merupakan contoh teladan yang baik dan boleh memberi inspirasi kepada murid untuk menjadi yang terbaik. Seorang guru yang merupakan teladan yang baik mempamerkan kualiti seperti kejujuran, integriti, dan rasa hormat, dan boleh menjadi pengaruh positif kepada pelajar mereka. Beberapa pernyataan responden menjelaskan perkara berikut.

“Seseorang guru perlu memiliki ketiga-tiga aspek IQ, EQ dan SQ yang kukuh dan menyeluruh dalam usaha membentuk generasi yang berkemahiran dan mempunyai karakter yang mampu menonjolkan kredibiliti anak didikan yang berjaya.”

(RK1)

“Tuntasnya, kualiti peribadi keguruan merujuk kepada amalan nilai-nilai murni, perlakuan guru yang penyayang, bepekerti mulia, berdaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif dan patuh kepada etika profesion keguruan.”

(RK2)

“Kualiti peribadi menjuruskan guru berperanan sebagai role-model, mengamalkan pengajaran efektif, peka dengan segala perkembangan pendidikan, dan mengamalkan kemahiran profesional.”

(RK6)

“Sebagai seorang guru, seseorang guru perlu sedar bahawa dirinya adalah suri teladan kepada muridnya melalui apa yang diajar dan juga dari segi perbuatannya dan percakapannya.”

(RK7)

Secara keseluruhannya, keterbukaan kepada pengalaman ialah sifat personaliti guru yang dikaitkan dengan keinginan menimba ilmu, kesanggupan mencuba perkara baharu dan penerimaan kepada idea baharu. Keprihatinan ialah sifat personaliti yang dikaitkan dengan kebolehpercayaan, tanggungjawab dan kestabilan emosi. Ekstraversi ialah sifat personaliti guru yang dikaitkan dengan keyakinan, keramahan dan bersemangat. Sifat ini penting bagi guru yang ingin menjadi pemimpin dan ejen perubahan, komunikatif dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Sifat personaliti kebersetujuan dikaitkan dengan kebaikan, kerjasama dan keprihatinan terhadap kesejahteraan

orang lain. Efikasi sendiri guru merupakan faktor utama dalam keupayaan guru untuk berdaya tahan dalam mendidik dan memberi inspirasi dengan berkesan. Justeru, kualiti peribadi boleh membantu guru menjadi pendidik yang berkesan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif serta menyokong pembelajaran murid.

KONSTRUK KUALITI PERIBADI

2. Huraikan bagaimana ciri-ciri kualiti peribadi yang dinyatakan dapat dikaitkan dengan konteks profesion keguruan selain daripada yang dinyatakan dalam Kerangka SGM 2.0?

Soalan ketiga dan keempat yang dikemukakan adalah bagi membina konstruk berdasarkan konsep yang telah dibentuk. Soalan ketiga sebagai idea utama kepada respon dalam soalan keempat yang menjurus kepada profesion keguruan. Berdasarkan kedua-dua soalan tersebut, responden telah memberikan pelbagai maklumat bagi menjawab persoalan tersebut. Konstruk-konstruk tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Konstruk Kualiti Peribadi

Tema	Konstruk	Penjelasan
Keterbukaan Kepada Pengalaman	Menerima kepelbagaian budaya	Penerimaan tanpa syarat Berhikmah dalam bertindak
	Mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri	Pembelajaran sepanjang hayat Menambah ilmu pengetahuan
Keprihatinan	Menjiwai amalan keguruan	Kompeten dalam menjalankan tugas Bersikap profesional
	Mengendalikan situasi secara terkawal	Mengawal emosi dan bersikap rasional Bertindak mengikut arahan dan peraturan
Ekstraversi	Mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah	Menjadi suri teladan Memberi impak positif
	Menggunakan komunikasi dengan berkesan	Bekerjasama dengan semua pihak Tahap komunikasi yang baik
Kebersetujuan	Mengamalkan sikap altruisme terhadap perkembangan murid	Memahami keperluan, keadaan dan kemampuan murid Mengutamakan kebajikan murid
	Mempamerkan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran	Berupaya menghadapi cabaran Mampu menyelesaikan masalah
Efikasi Kendiri	Mempamerkan sikap berintegriti dan beretika	Berintegriti dan bertanggungjawab Beretika dan jujur dalam bertindak

Sejumlah sembilan (9) konstruk telah disenaraikan. Lima (5) konstruk telah dibina dan empat (4) konstruk sedia ada. Konstruk-konstruk sedia ada tersebut ialah (1) menerima kepelbagaian budaya; (2) mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah; (3) menjiwai amalan keguruan; dan (4) mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri. Konstruk-konstruk baharu yang

terbina pula ialah (1) mengendalikan situasi secara terkawal; (2) menggunakan komunikasi dengan berkesan; (3) mengamalkan sikap altruisme terhadap perkembangan murid; (4) mempamerkan sikap berintegriti dan beretika; dan (5) mempamerkan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran.

Tema keterbukaan kepada pengalaman menyenaraikan dua (2) konstruk iaitu menerima

kepelbagaian budaya, dan mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri. Menerima kepelbagaian budaya berdasarkan penerimaan tanpa syarat dan berhikmah dalam bertindak membawa maksud menjadi inklusif dan menghormati murid tanpa mengira latar belakang budaya mereka. Ini bermakna guru mewujudkan persekitaran bilik darjah yang selamat dan mesra agar semua murid berasa dihargai dan disokong. Bagi mengamalkan penerimaan tanpa syarat, guru berusaha untuk mempelajari budaya murid dan memasukkan tradisi dan adat resam mereka ke dalam rancangan pengajaran mereka. Mereka juga boleh terbuka untuk belajar daripada murid dan menjadi fleksibel dalam pendekatan pengajaran mereka untuk memenuhi keperluan murid. Berhikmah dalam bertindak bermaksud mengambil berat tentang kesan kata-kata dan tindakan seseorang terhadap murid dari latar belakang budaya yang berbeza. Guru boleh bertimbang rasa dalam cara mereka berkomunikasi dengan murid dan berusaha untuk menjadi sensitif terhadap isu-isu melibatkan budaya. Guru juga berusaha untuk mewujudkan budaya bilik darjah yang inklusif dengan menggalakkan pemahaman dan menghormati kepelbagaian.

Mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri merujuk kepada proses pembelajaran yang berterusan dan berkembang sepanjang kerjaya seseorang. Dalam profesion keguruan, guru sentiasa mencari peluang baru untuk meningkatkan dan mengembangkan kemahiran dan pengetahuan. Muhasabah diri adalah peringkat penting dalam proses ini. Proses ini melibatkan penggunaan masa untuk memikirkan amalan pengajaran sendiri, mendapatkan maklum balas daripada orang lain dan mempertimbangkan bidang untuk penambahbaikan. Dengan melibatkan diri dalam refleksi sendiri, guru mengenal pasti bidang yang boleh ditambahbaik. Guru juga dapat membuat perubahan pada gaya atau pendekatan pengajaran mengikut keperluan. Guru boleh melibatkan diri dalam program pembangunan profesional seperti bengkel, kursus atau persidangan bagi mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat. Situasi ini boleh memberikan guru idea dan teknik baharu serta peluang untuk berhubung dengan guru lain dengan perkongsian pengalaman. Beberapa pernyataan responden berhubung perkara tersebut adalah seperti berikut.

“...mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan ilmu selagi berupaya.”

(RK3)

“Penerimaan tanpa syarat, CUT APPLE A. Beberapa perkara perlukan pertimbangan akal dan budi bukan hanya mengikut “rules and order”. Berkemampuan bertindak mengikut situasi.”

(RK4)

“Guru harus mencuba sebaik mungkin untuk menunjukkan sikap yang baik dan sentiasa berhikmah dalam segala tindakan.”

(RK8)

Tema keprihatinan pula menyenaraikan dua (2) konstruk iaitu menjiwai amalan keguruan dan mengendalikan situasi secara terkawal. Menjiwai amalan keguruan merangkumi kompeten dalam menjalankan tugas dan bersikap profesional. Kedua-dua aspek ini merupakan suatu dedikasi dan komitmen terhadap pembelajaran dan kejayaan murid. Situasi ini melibatkan melalui pendekatan profesionalisme, tanggungjawab, kepakaran dan berusaha untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sebagai guru. Berkebolehan dalam amalan pengajaran bermakna guru dapat merancang dan menyampaikan pengajaran dengan berkesan, menilai pembelajaran murid dan memberikan bimbingan yang sesuai untuk membantu murid berjaya. Hal ini juga melibatkan kecekapan dalam perkara yang diajar dan mempunyai pemahaman yang kukuh tentang amalan terbaik dalam pedagogi. Guru juga perlu mengikut standard piawai etika dan bertindak dengan cara yang sesuai di dalam bilik darjah dan di sekitar sekolah. Ini termasuk juga dengan menepati masa, berpakaian sesuai dan mengekalkan sikap positif.

Mengendalikan situasi secara terkawal sebagai seorang guru bermakna dapat mengawal emosi dan bertindak secara logik walaupun dalam keadaan sukar atau tertekan. Keadaan ini penting terutamanya dalam bilik darjah apabila seorang guru perlu menangani pelbagai tingkah laku dan situasi yang boleh menjadi sukar atau mencabar. Salah satu kaedah untuk menangani situasi secara terkawal adalah dengan mengamalkan peraturan sendiri iaitu kebolehan mengawal pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Guru juga perlu mengikut arahan peraturan dan sebarang dasar atau prosedur yang telah ditetapkan bagi mengendalikan situasi dengan cara terkawal. Situasi ini dapat membantu bagi memastikan situasi dapat dikendalikan dengan adil. Selain itu, penting bagi guru untuk mengetahui dan mematuhi semua peraturan undang-undang dan moral yang digunakan untuk tugas mereka. Hal ini termasuklah perkara seperti kerahsiaan, privasi murid dan had yang sesuai dalam hubungan

profesional. Beberapa pernyataan responden berhubung perkara tersebut adalah seperti berikut.

“Seseorang guru memiliki kunci kecekapan dalam diri ke arah landasan yang progresif dalam membina modal insan kelas pertama khususnya menerusi peningkatan pengetahuan, kompetensi dan penguatkuasaan personaliti.”

(RK1)

“...sifat profesional dan sentiasa bersedia menerima perubahan dalam pendidikan kerana sistem pendidikan adalah bersifat dinamik, berubah mengikut perubahan peringkat global.”

“...kompeten dalam bidang/kurikulum kerana mereka berperanan sebagai pemudahcara, perancang dan pelaksana dalam PdP untuk mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki.”

(RK3)

“...stabil, rasional, kawalan. Berupaya untuk mengawal emosi, bersikap rasional kerana guru berhadapan dengan berbagai pihak keluarga, murid, rakan sejawat, pentadbir, pengurus atasan, ibu bapa dan orang luar.”

(RK4)

“...tanggungjawab guru terhadap etika profesion perguruan yang membabitkan tanggungjawab guru terhadap murid, ibu bapa, rakan sejawat, masyarakat dan negara. kualiti peribadi yang baik dan hebat juga akan memastikan etika profesion perguruan akan dapat dipelihara.”

(RK6)

Tema ekstraversi menyenaraikan dua (2) konstruk iaitu mengamalkan gaya kepimpinan yang bersifat insaniah dan mengamalkan komunikasi yang berkesan. Dalam profesion keguruan, gaya kepimpinan yang bersifat insaniah bermaksud menjadi contoh yang baik dan memberi kesan positif kepada orang lain. Gaya kepimpinan yang bersifat insaniah ini dicirikan oleh penggunaan kemahiran interpersonal dan kecerdasan emosi untuk memimpin dan mempengaruhi orang lain. Situasi tersebut juga memberi tumpuan kepada membina perhubungan, menjadikan tempat kerja sebagai tempat yang baik dan membantu orang lain menjadi lebih baik dalam perkara yang mereka lakukan. Guru juga seharusnya menjadi contoh teladan untuk murid dan rakan sekerja. Malah, mereka akan mencontohi nilai dan tingkah laku yang ingin dipupuk dalam bilik darjah atau komuniti sekolah. Hal ini termasuklah seperti bersabar, baik hati, menghormati dan meluangkan masa untuk mendengar dan menyokong orang lain. Kaedah yang baik untuk menjadi pengaruh positif ialah memastikan murid mempunyai persekitaran pembelajaran yang baik dan berasa dihargai,

disokong serta bermotivasi untuk belajar. Keadaan tersebut juga boleh menjadi pengaruh positif kepada rakan sekerja dan membantu mewujudkan budaya kerja yang positif dan kolaboratif di sekolah.

Komunikasi berkesan dalam profesion keguruan melibatkan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dan mengekalkan tahap komunikasi yang baik dengan murid, ibu bapa, rakan sekerja dan ahli komuniti sekolah yang lain. Komunikasi yang berkesan adalah kemahiran penting bagi guru kerana kemahiran ini membolehkan guru menyampaikan maklumat dengan berkesan. Selain itu, guru juga dapat memberikan sokongan dan menangani kebimbangan atau keperluan yang mungkin timbul di dalam bilik darjah atau sekolah. Kemahiran ini juga penting untuk membina hubungan positif dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan koperatif. Aspek penting dalam komunikasi berkesan sebagai seorang guru ialah kesediaan untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan. Hal ini termasuklah bekerjasama dengan guru lain untuk menyelaraskan dan merancang arahan, bekerja dengan ibu bapa atau penjaga untuk menyokong pembelajaran murid dan berkomunikasi secara kerap dengan murid untuk memberikan maklumat balas dan sokongan. Situasi ini juga penting untuk mengekalkan komunikasi yang baik dengan semua pihak berkepentingan. Keadaan ini melibatkan responsif terhadap permintaan dan kebimbangan, bersikap jelas dan ringkas serta bersikap terbuka dan boleh diakses. Beberapa pernyataan responden berhubung perkara tersebut adalah seperti berikut.

“...interpersonal, intrapersonal melibatkan hubungan dengan ahli keluarga, murid, rakan sejawat, pentadbir, pengurus atasan, ibu bapa, dan orang luar. Bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak.”

(RK4)

“Profesion keguruan adalah penting dalam pembinaan negara bangsa. Guru perlu mempunyai kualiti peribadi supaya mereka dapat efektif dan memberi impak langsung terhadap pembelajaran pelajar kerana guru sentiasa menjadi suri teladan kepada pelajar. Setiap apa yang guru nyatakan dan lakukan sentiasa menjadi ikutan pelajar. Ini kerana pelajar lebih banyak menghabiskan masa di sekolah. Oleh itu guru lah yang menjadi role model untuk mereka.”

(RK5)

“Tahap komunikasi interpersonal dan intrapersonal juga dapat dipertingkatkan sekiranya individu mempunyai kualiti peribadi yang baik.”

(RK6)

Tema kebersetujuan menyenaraikan satu (1) konstruk sahaja iaitu mengamalkan sikap altruisme terhadap perkembangan murid. Dalam profesion keguruan, mempunyai pandangan altruistik terhadap perkembangan murid bermakna memahami keperluan, situasi, kemahiran dan mengutamakan kebajikan mereka. Sikap altruistik ialah sikap yang mementingkan kesejahteraan dan faedah orang lain, tidak mementingkan diri, belas kasihan dan keinginan untuk membantu orang lain. Sebagai seorang guru, sikap altruistik terhadap perkembangan murid bermakna meluangkan masa untuk memahami keperluan, keadaan dan kebolehan setiap murid yang unik. Hal ini termasuklah mengenali setiap murid sebagai individu yang unik dan menyesuaikan diri dengan kekuatan, kelemahan dan cara pembelajaran mereka. Guru juga perlu memberi perhatian kepada isu sosial, emosi atau perkembangan yang mungkin menjejaskan pembelajaran. Guru yang mengutamakan kesejahteraan murid bermakna mengutamakan kesihatan dan kejayaan murid. Guru berperanan memberi murid sumber tambahan yang diperlukan, bercakap untuk mereka dan berusaha untuk menjadikan bilik darjah tempat yang selesa. Beberapa contoh pernyataan berikut menerangkan perkara tersebut.

“Guru juga perlu ikhlas menjalankan tanggungjawabnya, bukan hanya kerana dibayar gaji. Ini kerana jatuh bangunnya sesebuah negara adalah bergantung kepada generasi yang dididik. tanggungjawab guru sangat besar.”

(RK5)

“Dengan memahami keperluan, keadaan, kemampuan, kemahiran dan pengetahuan sedia ada muridnya, seorang guru boleh menyesuaikan strategi dan teknik mengajar yang membolehkan muridnya dapat terlibat dalam proses pembelajaran dengan lebih berkesan.”

(RK7)

Tema efikasi sendiri pula menyenaraikan dua (2) konstruk iaitu mempamerkan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan mempamerkan sikap berintegriti dan beretika. Daya tahan yang tinggi dalam menangani cabaran dalam profesion perguruan bermaksud mampu menangani cabaran dan menyelesaikan masalah dengan berkesan. Ketahanan ialah keupayaan untuk bangkit semula selepas cabaran dan untuk berubah dengan melakukan yang lebih baik. Guru menghadapi pelbagai cabaran setiap hari seperti menangani tingkah laku yang sukar di dalam bilik darjah sehingga kepada perubahan keperluan kurikulum.

Guru yang memiliki tahap daya tahan yang tinggi mampu menangani masalah dengan baik dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasinya. Guru perlu menunjukkan sikap positif dan mengambil tindakan secara rasional sekiranya menghadapi cabaran dan kekangan. Selain itu, guru juga perlu menetapkan matlamat dan bekerja secara sistematik. Guru yang tabah adalah individu yang mampu menyelesaikan masalah dengan baik. Guru juga perlu bersikap terbuka kepada idea dan cara baharu serta menggunakan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Integriti dan etika adalah penting dalam profesion perguruan. Hal ini bermakna guru perlu menunjukkan integriti dan rasa tanggungjawab, mengikut piawaian etika dan bersikap jujur dalam semua perkara yang dilakukan. Integriti ialah kualiti menjadi jujur, boleh dipercayai dan beretika. Sebagai seorang guru, integriti bermakna jujur dan telus dalam tindakan dan perkataan serta bertindak mengikut kaedah yang selaras dengan nilai dan kepercayaan. Situasi tersebut termasuklah boleh dipercayai, bertanggungjawab atas tindakan dan kesilapan. Etika ialah set peraturan dan nilai yang dipatuhi. Dalam profesion perguruan, piawaian etika ditetapkan dalam kod kelakuan atau piawaian profesional. Sebagai seorang guru, menjadi beretika bermaksud mematuhi peraturan serta bertindak dengan cara yang adil, hormat dan bertanggungjawab. Keadaan ini juga termasuklah bersikap jujur dan telus dalam interaksi dengan murid, ibu bapa, rakan sekerja dan ahli komuniti sekolah yang lain. Beberapa contoh pernyataan berikut menerangkan perkara tersebut.

“Setiap gerak kerja akan dilaksanakan dengan penuh integriti dan tanggungjawab samada terhadap diri, murid, ibu bapa dan masyarakat dan negara.”

(RK2)

“Berupaya untuk menghadapi cabaran kepelbagaian dan berkemampuan untuk menyelesaikan masalah yang timbul serta peluang untuk penambahbaikan.”

(RK4)

“Guru juga perlu beretika, mempunyai nilai-nilai murni dan berintegriti dalam melaksanakan tugasnya.”

(RK5)

“Malahan tahap integriti dan akauntibiliti guru akan berada di tahap yang tinggi jika individu mempunyai kualiti diri yang baik.”

(RK6)

“Sebagai seorang guru, seseorang patut bersifat jujur dengan dirinya sendiri dan orang lain.”

(RK7)

Secara keseluruhannya, sembilan (9) konstruk yang sedia ada dan baharu ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang aspek pengukuran bagi domain Kualiti Peribadi. Semua konstruk tersebut dikelaskan berdasarkan tema-tema konsep Kualiti Peribadi dan seterusnya menerangkan setiap tema tersebut.

## PERBINCANGAN

Kualiti peribadi berdasarkan konteks profesion keguruan ditakrifkan sebagai seorang pendidik yang bersifat terbuka kepada idea-idea dan pengalaman baharu, mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi, memiliki nilai ekstraversi yang kuat, mengutamakan nilai kebersetujuan dan menjadi suri teladan yang unggul. Seorang pendidik yang mempunyai sifat keterbukaan kepada pengalaman cenderung untuk mencari pengalaman baharu dan bersedia untuk belajar serta mencuba perkara baharu. Mereka juga mungkin lebih terbuka kepada sudut pandangan dan cara melakukan sesuatu yang berbeza. Stoll et al. (2020) turut menyatakan bahawa keterbukaan kepada pengalaman ialah kecenderungan untuk menghargai idea, nilai dan tingkah laku sesuatu yang baharu. Guru juga mempunyai kesediaan untuk belajar dan meneroka idea-idea yang baharu. Boyd (2020) juga menegaskan tentang keinginan untuk memperluas dan menambah pengalaman intelektual seseorang dengan mencari maklumat yang baharu. Golongan ini disifatkan suka menikmati aktiviti yang baharu dan berbeza dari kebiasaan, yang juga dilihat memiliki sikap ingin tahu dan intelektual yang sederhana terhadap kepercayaan sosial, politik dan moral.

Seorang pendidik yang mempunyai keprihatinan yang tinggi lebih cenderung berdikari, tersusun, boleh dipercayai, bertanggungjawab, konsisten, bekerja keras dan tabah. Malah, mereka menunjukkan satu kualiti yang wujud dalam diri seorang manusia untuk bertindak mengikut kesedaran mindanya. Stoll et al. (2020) menjelaskan sifat keprihatinan yang tinggi menunjukkan kecenderungan untuk sentiasa berhati-hati, menepati masa, patuh kepada peraturan dan rajin. Sifat ini terdiri daripada komponen personaliti iaitu kecekapan diri, keteraturan, rasa tanggungjawab, keinginan berprestasi, disiplin diri dan berhati-hati (Costa & McCrae, 1992; Fatimah

Wati & Ling, 2016; McCrae & Costa, 2006). Golongan ini juga digambarkan sebagai kemas, menepati masa dan teratur. Walau bagaimanapun, golongan ini kadang kala tidak terlalu mengikut peraturan tetapi masih melakukan sesuatu perkara dengan betul dan cermat.

Pendidik yang memiliki nilai ekstraversi yang kuat adalah bersikap peramah, positif dan sentiasa bertenaga. Bahkan, perspektif dan pandangan mereka terhadap sesuatu perkara tentang kehidupan kebiasaannya adalah positif. Lukaszewski (2020) turut menjelaskan ekstraversi merangkumi perbezaan individu dalam tingkah laku pergaulan, ketegasan, emosi yang sentiasa positif, mudah mempengaruhi dan bermotivasi. Stoll et al. (2020) mentakrifkan ekstraversi sebagai kecenderungan untuk bercakap, bergaul dan bergembira dengan orang lain serta mempunyai kecenderungan untuk mempunyai gaya yang lebih dominan.

Secara konseptualnya, sifat *extraversion* menunjukkan implikasi kepada individu yang sentiasa bertenaga secara sosial (John, 2021). Costa & McCrae (1992) turut menjelaskan tret ini terdiri daripada komponen personaliti iaitu peramah, suka berkawan, kecenderungan mendesak atau asertif, mencari keseronokan, sentiasa ceria dan suka beraktiviti. Golongan ini disifatkan sebagai agak formal dalam pergaulan dan gemar menikmati keramaian. Mereka dilihat sebagai individu yang dominan dan lebih suka menjadi ketua kumpulan berbanding menjadi pengikut. Justeru, mereka juga digambarkan bertenaga, aktif dan sentiasa sibuk dengan aktiviti kehidupan seharian.

Seorang pendidik yang mengutamakan nilai kebersetujuan digambarkan sebagai seorang yang sentiasa menghargai perhubungan dengan orang sekelilingnya. Furnham (2020) mentakrifkan *agreeableness* sebagai sikap altruistik, menghargai, patuh, mempercayai, mempunyai sikap murah hati, bersimpati dan peramah. Sikap altruistik ialah personaliti yang lebih mengutamakan kebajikan, kebahagiaan dan kepentingan orang lain berbanding dengan kebajikan, kebahagiaan dan kepentingan diri sendiri. Stoll et al. (2020) pula menjelaskan *agreeableness* sebagai kecenderungan untuk setuju dan bergaul dengan orang lain daripada menegaskan pendapat dan pilihan sendiri. Lazimnya, golongan ini mempunyai sifat berperikemanusiaan, suka menolong, pemurah, peramah dan sentiasa berkompromi dengan orang lain walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan sendiri. Justeru, seseorang yang mudah berkompromi selalunya



mempunyai pandangan yang optimistik terhadap manusia dan sentiasa melihat kebaikan yang ada pada orang lain.

Seorang pendidik boleh mempengaruhi dan memotivasikan murid untuk memiliki akhlak dan cara berfikir yang terpuji. Bagi memastikan guru menjadi suri teladan yang baik kepada murid, guru perlu mempunyai peribadi yang unggul dan berkualiti. Pendidik juga menjadi suri teladan kepada pelajar dan masyarakat serta sebagai penghubung di antara guru, ibu bapa, pegawai kerajaan dengan masyarakat dan penyumbang masyarakat. Menjadi suri teladan juga merupakan aspek penting dalam efikasi sendiri guru. (Bandura, 1978) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai rasa efikasi sendiri yang tinggi akan bekerja dengan lebih berhati-hati dan tekun walaupun dalam situasi yang mencabar berbanding individu yang meragui bakat mereka sendiri. Justeru, efikasi sendiri memberi kesan yang mendalam kepada guru bagi memastikan sikap profesionalisme sentiasa dipegang sebagai panduan utama dalam melaksanakan tugas.

#### IMPLIKASI

Hasil dapatan ini memberikan pelbagai implikasi bagi menunjukkan kualiti peribadi seorang guru. Guru dengan keterbukaan kepada pengalaman secara aktif mencari peluang untuk meneroka dan melibatkan diri dalam pengalaman baharu. Mereka lebih cenderung untuk menghadiri bengkel pembangunan profesional, persidangan atau seminar untuk meluaskan pengetahuan dan teknik pengajaran mereka. Mereka terbuka untuk mencuba kaedah pengajaran yang inovatif, menggabungkan teknologi baharu dan bereksperimen dengan pendekatan pengajaran yang berbeza (Kumar & Vasimalairaja, 2019). Mereka juga mempunyai semangat yang tulus untuk belajar dan tidak takut untuk melangkah keluar dari zon selesa mereka (Amadhila & Guest, 2022). Mereka berfikiran terbuka dan menerima perubahan, sama ada melibatkan penggunaan amalan pengajaran baharu atau mengintegrasikan pelbagai perspektif ke dalam amalan pengajaran. Mereka menerima maklum balas dan secara aktif dengan mencari cara untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Gan et al., 2021). Oleh yang demikian, guru dengan keterbukaan kepada pengalaman turut berusaha untuk merasai keseronokan dan kepuasan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang unik, pelbagai atau tidak konvensional. Mereka perlu diperkenalkan

dengan projek yang menarik dan kreatif, lawatan lapangan atau pengalaman langsung yang berbeza daripada kaedah pengajaran tradisional. Mereka dapat menggalakkan murid untuk meneroka minat, berfikir secara kritis dan menggunakan pendekatan pembelajaran dari sudut yang berbeza.

Guru yang mempunyai keprihatinan yang tinggi sering mempamerkan rasa autonomi dan berdikari dalam menjalankan tugas. Mereka boleh membuat keputusan dan mengambil tindakan berdasarkan pertimbangan dan kepakaran mereka sendiri, di samping tetap mematuhi garis panduan dan jangkaan yang ditetapkan oleh sekolah atau institusi pendidikan (Harlen & Qualter, 2018). Guru yang mempunyai keprihatinan yang tinggi adalah mereka yang boleh dipercayai (Fütterer et al., 2023). Mereka memenuhi komitmen dan tanggungjawab mereka secara konsisten bagi mematuhi tarikh akhir sesuatu tugas dan menepati janji mereka. Murid dan rakan sekerja boleh bergantung pada mereka bagi mendapatkan sokongan, bimbingan dan prestasi yang konsisten (Lei et al., 2018). Golongan ini juga meletakkan usaha dan dedikasi yang diperlukan untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Mereka sanggup bekerja keras untuk memastikan kejayaan murid. Mereka tabah menemпуhi segala cabaran, halangan, dan berusaha mencari jalan penyelesaian untuk menambah baik strategi pengajaran dan menyokong pembelajaran murid.

Guru yang mempunyai nilai ekstraversi yang kuat selalunya mesra dan mudah didekati (Lukaszewski, 2020). Mereka seronok berhubung dengan orang lain dan mewujudkan hubungan positif dengan murid, rakan sekerja dan ibu bapa. Sikap ceria dan optimistik mereka dapat mewujudkan persekitaran bilik darjah yang mesra dan menyokong pembelajaran murid di mana murid berasa selesa dan bermotivasi untuk belajar. Golongan ini juga membawa tenaga dan mempunyai semangat yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Mereka sering menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dinamik seperti strategi pembelajaran aktif, perbincangan interaktif dan aktiviti kumpulan untuk melibatkan semua murid. Semangat mereka dapat memberikan inspirasi kepada murid untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran. Guru yang mempunyai nilai ekstroversi yang tinggi juga cenderung mempunyai perspektif optimistik terhadap kehidupan (Deng et al., 2020). Mereka menghadapi cabaran dengan pemikiran yang positif

dan menggalakkan murid melakukan perkara yang sama. Mereka melihat kekurangan sebagai peluang untuk pertumbuhan dan daya tahan, menanamkan rasa optimis dan ketabahan dalam diri murid mereka. Walaupun golongan ini berkembang maju dalam persekitaran sosial dan menikmati berada di sekeliling orang, mereka masih mengekalkan tahap formaliti tertentu dalam interaksi mereka. Mereka memahami kepentingan sempadan profesional dan tingkah laku yang sesuai, terutamanya dalam hubungan guru-murid. Mereka melibatkan diri dalam aktiviti bersosial dalam sempadan yang boleh diterima, mempromosikan budaya bilik darjah yang positif dan menghormati.

Guru yang mengutamakan sikap kebersetujuan ini sangat menghargai hubungan yang terbina dengan murid, rakan sekerja, ibu bapa dan komuniti sekolah (Eryilmaz, 2014). Mereka mengutamakan membina hubungan dan mewujudkan persekitaran yang menyokong dan penyayang di mana setiap orang berasa dihormati dan dihargai. Golongan ini juga menunjukkan sikap keprihatinan yang tulus terhadap kesejahteraan dan kebajikan orang lain. Mereka menunjukkan empati dan belas kasihan, meluangkan masa untuk memahami keperluan, cabaran dan emosi murid. Mereka sedia untuk menawarkan sokongan dan bantuan sama ada menyediakan bimbingan akademik, menawarkan ruang perbincangan secara bersemuka atau menawarkan bantuan berkaitan isu peribadi. Mereka juga bermurah hati dengan masa, sumber dan kepakaran mereka.

Guru juga dengan rela hati berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk memberi manfaat kepada murid dan rakan sekerja. Mereka berusaha dengan setulus hati untuk memberikan sokongan atau sumber tambahan untuk membantu murid akan beroleh kejayaan. Kemurahan hati mereka dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan memupuk. Guru yang mempunyai sikap kebersetujuan yang tinggi lebih mengutamakan untuk mengekalkan hubungan yang harmoni dan bersedia untuk berkompromi, walaupun kadangkala hal tersebut mengorbankan kepentingan mereka sendiri (Buella & Joseph C., 2015). Mereka mencari penyelesaian menenangkan dan berusaha untuk mencapai kata sepakat dalam konflik atau perselisihan faham. Mereka menggalakkan kerjasama dalam kalangan murid, menggalakkan rasa perpaduan dan kerja berpasukan.

Seorang guru yang mempunyai personaliti yang unggul dan berkualiti menunjukkan integriti, kejujuran, rasa hormat, empati, dan adil (Pala, 2011), yang seterusnya menggalakkan murid untuk mengamalkan sifat-sifat ini dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana murid memerhati dan belajar daripada tingkah laku, sikap dan nilai guru mereka. Dengan menjelmakan ciri-ciri yang diingini, guru memberi inspirasi kepada murid untuk membangunkan kompas moral yang kukuh dan membuat pilihan beretika. Guru bertindak sebagai penghubung penting antara pelbagai pihak berkepentingan, termasuk murid, ibu bapa, pegawai kerajaan dan masyarakat (Yaro et al., 2016). Mereka memainkan peranan penting dalam mewujudkan komunikasi dan kerjasama yang berkesan dalam kalangan pihak-pihak tersebut. Dengan mengekalkan perbincangan secara terbuka dan membina, guru memupuk hubungan positif, merapatkan jurang dan mewujudkan rasa perpaduan dan kerjasama dalam komuniti pendidikan.

Keperibadian guru yang unggul dan berkualiti merangkumi profesionalisme dan komitmen mereka terhadap perkembangan dan pembangunan yang berterusan. Guru berusaha untuk mencapai kecemerlangan dengan sentiasa mendapatkan maklumat tentang pendidikan terkini, teknik pedagogi dan pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran (Yakcop & Chua, 2017). Mereka juga berpeluang untuk terlibat dalam pembangunan profesional, menghadiri bengkel dan kursus serta mendapatkan maklum balas untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan memberikan pengalaman pembelajaran yang terbaik kepada murid.

## KESIMPULAN

Guru diharapkan dapat menerima konsep baru, menyesuaikan diri dengan perubahan, dan bersedia untuk meneroka kaedah atau strategi pengajaran yang berbeza. Mereka mungkin secara aktif mencari pendekatan inovatif untuk meningkatkan pengajaran mereka dan melibatkan diri dengan pelbagai perspektif. Guru juga diharapkan dapat memberi perhatian tentang kesejahteraan murid dari segi akademik dan emosi. Mereka berkemungkinan bersikap empati, memastikan murid berasa disokong dan dihargai. Nilai yang diletakkan pada

extraversion menunjukkan bahawa pendidik dalam profesion keguruan diharapkan bersikap mesra, bergaul dan selesa berinteraksi dengan orang lain. Mereka dapat berkembang maju dalam persekitaran kolaboratif dan mempunyai keupayaan untuk berhubung dengan murid, ibu bapa, rakan sekerja dan komuniti yang lebih luas.

Penekanan kepada sikap kebersetujuan menunjukkan bahawa guru diharapkan memiliki kualiti seperti bersikap bekerjasama, mesra dan mudah didekati. Mereka dapat mengutamakan keharmonian dan berusaha untuk mengekalkan hubungan positif dengan murid, ibu bapa dan rakan sekerja. Nilai ini mungkin menyumbang kepada kerja berpasukan yang berkesan dan penyelesaian konflik. Guru juga dilihat sebagai suri teladan kepada murid, menunjukkan tingkah laku, nilai dan etika yang boleh dicontohi. Guru dalam profesion perguruan diharapkan dapat mempamerkan integriti, profesionalisme dan sifat-sifat positif yang boleh dicontohi oleh murid. Mereka juga diharapkan mempunyai keyakinan terhadap kebolehan dan keupayaan mereka sendiri untuk memberi impak yang positif kepada pembelajaran dan perkembangan murid. Mereka mungkin percaya pada kemahiran pengajaran mereka, strategi pengurusan bilik darjah dan keupayaan untuk mengatasi cabaran yang boleh menyumbang kepada keberkesanan mereka sebagai pendidik.

#### RUJUKAN

- A. Rahman, K. A. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti Dan Kemahiran Komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37–44.
- Abd Rahman, A. (2010). *Hubungan Antara Personaliti Dan Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Matematik PMR: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Al Hashmi, W., & Klassen, R. M. (2019). Developing a Situational Judgement Test for Admission into Initial Teacher Education in Oman: An Exploratory Study. *International Journal of School and Educational Psychology*, 8(1), 187–198. <https://doi.org/10.1080/21683603.2019.1630042>
- Allport, B. Y. G. W. (1927). Concepts Of Trait And Personality. *Psychological Bulletin*, 24(5), 284–293. <https://doi.org/10.1037/h0073629>
- Amadhila, E. M., & Guest, J. (2022). Teach Outside Your Comfort Zone: A Qualitative Study of Higher Education Students' Conceptions in Namibia. *Cogent Education*, 9(1), 1–19. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2022.2026189>
- Azad Iqram, N., Mohd Effendi Ewan, M. M., & Siti Mistima, M. (2023a). How to Totally Stop on Thinking about Admissions Criteria for Teacher Education Programs? That Can Make or Break You. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 1(5), 2971–2983. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i5/17061>
- Azad Iqram, N., Mohd Effendi Ewan, M. M., Siti Mistima, M., & Sheridan, L. (2023b). Broad vs narrow traits : a scoping review of measuring personality traits in teacher selection using the situational judgment test. *Frontiers in Psychology*, 14, 1–15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1217321>
- Bandura, A. (1978). Self Efficacy: Toward A Unifying Theory Of Behavioural Change. *Advances in Behaviour Research and Therapy*, 1(4), 139–161. <https://doi.org/10.1017/S0003055400259303>
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. Worth Publishers.
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2020). *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. Eighth Edition. Wiley.
- Boyd, P. (2020). Openness. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *Encyclopedia Of Personality And Individual Differences* (pp. 3333–3338). Springer.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Buela, S., & Joseph C., M. (2015). Relationship between Personality and Teacher Effectiveness of High School Teachers. *International Journal of Indian Psychology*, 3(1), 57–70. <https://doi.org/10.25215/0301.117>
- Cervone, D., & Pervin, L. A. (2013). *Personality: Theory And Research*. Twelfth Edition. Wiley.
- Costa, P. T., & McCrae, R. R. (1992). The NEO Inventories. In P. T. Costa & R. R. McCrae (Eds.), *Revised Neo Personality Inventory: Professional Manual* (pp. 223–256). Psychological Assessment Resources.
- Deng, Q., Zheng, B., & Chen, J. (2020). The Relationship Between Personality Traits, Resilience, School Support, and Creative Teaching in Higher School Physical Education Teachers. *Frontiers in Psychology*, 11, 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.568906>
- Eryilmaz, A. (2014). Perceived Personality Traits and Types of Teachers and Their Relationship to the Subjective Well-being and Academic Achievements of Adolescents. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 14(6), 2049–2062. <https://doi.org/10.12738/estp.2014.6.2187>

- Ewen, R. B. (2010). *An Introduction To Theories of Personality. Seventh Edition*. Psychology Press.
- Fatimah Wati, H., & Ariffin, H. Z. (2015). Achievement Motivation as Mediating Factor in the Relationship Between Personality and Job Performance Relationship. *International Conference on Social Sciences & Humanities 2012*, 2(2), 91–101.
- Fatimah Wati, H., & Ling, S. C. (2016). Hubungan Antara Determinasi Kendiri, Personaliti Big Five Dengan Motivasi Pencapaian Dan Pencapaian Akademik. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 114–126.
- Furnham, A. (2020). Agreeableness. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *Encyclopedia Of Personality And Individual Differences* (pp. 93–102). Springer.
- Fütterer, T., Scherer, R., Scheiter, K., Stürmer, K., & Lachner, A. (2023). Will, skills, or conscientiousness: What predicts teachers' intentions to participate in technology-related professional development? *Computers and Education*, 198, 1–17. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2023.104756>
- Gan, Z., An, Z., & Liu, F. (2021). Teacher Feedback Practices, Student Feedback Motivation, and Feedback Behavior: How Are They Associated With Learning Outcomes? *Frontiers in Psychology*, 12, 1–14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.697045>
- Griffin, R. W., Philips, J. M., & Gully, S. M. (2020). *Organizational Behavior: Managing People And Organizations. Thirteenth Edition*. Cengage Learning.
- Harlen, W., & Qualter, A. (2018). *The Teaching of Science in Primary Schools. 7th Edition*. Routledge.
- Idawati, M., & Wan Azlinda, W. M. (2018). Efikasi Kendiri Guru Pelatih IPGKTHO Dalam Melahirkan Guru Abad-21. *Multidisciplinary Research in Education*, 3, 1–8.
- John, O. P. (2021). History, Measurement, And Conceptual Elaboration Of The Big-Five Trait Taxonomy. In O. P. John & R. W. Robins (Eds.), *Handbook of Personality: Theory and Research. 4th Edition* (pp. 35–82). Guilford Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0*. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/sgm-2> [30 Januari 2021]
- Klassen, R. M., Durksen, T. L., Kim, L. E., Patterson, F., Rowett, E., Warwick, J., Warwick, P., & Wolpert, M. (2016). Developing a Proof-of-Concept Selection Test for Entry into Primary Teacher Education Programs. *International Journal of Assessment Tools in Education*, 4(2), 96–114. <https://doi.org/10.21449/ijate.275772>
- Klassen, R. M., Kim, L. E., Rushby, J. V., & Bardach, L. (2020). Can We Improve How We Screen Applicants for Initial Teacher Education? *Teaching and Teacher Education*, 87, 1–11. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102949>
- Krosnick, J. A., & Presser, S. (2009). Question And Questionnaire Design. In J. D. Wright & P. V. Marsden (Eds.), *Handbook of Survey Research. Second Edition* (pp. 1–68). Emerald Group Publishing Limited.
- Kumar, G. P., & Vasimalairaja, M. (2019). Innovations in Teaching Methods and Strategies. *Journal of Applied Science and Computations*, 2523–2528. <https://www.ijedr.org/papers/IJSDR1809001.pdf>
- Lei, H., Cui, Y., & Chiu, M. M. (2018). The Relationship Between Teacher Support and Students' Academic Emotions: A Meta-analysis. *Frontiers in Psychology*, 8, 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.02288>
- Lukaszewski, A. W. (2020). Extraversion. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *Encyclopedia of Personality and Individual Differences* (pp. 1514–1519). Springer.
- Masturah, Z. A., & Khalip, M. (2018). Pengaruh Efikasi Kendiri Guru Pra Perkhidmatan Terhadap Kesediaan Kepimpinan Guru. *Management Research Journal*, 7(1), 117–125.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. (2006). *Personality in Adulthood: A Five-Factor Theory Perspective* (R. R. McCrae & P. T. Costa (eds.)). The Guilford Press. <https://doi.org/10.1177/036215370603600310>
- McDonald, J., & Letzring, T. (2020). Traits. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*. Springer.
- Pala, A. (2011). The Need for Character Education. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, 3(2), 23–32.
- Redzuan, M., & Abdullah, H. (2004). *Psikologi*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Reeves, C. A., & Bednar, D. A. (1994). Defining Quality: Alternatives And Implications. *The Academy of Management Review*, 19(3), 419–445.
- Robbins, S. P., & Judge, T. A. (2017). *Organizational Behavior: Seventeenth Edition*. Pearson Education Limited.
- Scheepers, R. A., Lombarts, K. M. J. M. H., Van Aken, M. A. G., Heineman, M. J., & Arah, O. A. (2014). Personality traits affect teaching performance of attending physicians: Results of a multi-center observational study. *PLoS ONE*, 9(5), 1–11. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0098107>
- Schultz, D. P., & Schultz, S. E. (2017). *Theories of Personality. Eleventh Edition*. Cengage Learning.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach. Seventh Edition*. John Wiley & Sons Ltd.
- Stoll, G., Einarsdóttir, S., Song, Q. C., Ondish, P., Sun, J. J., & Rounds, J. (2020). The Roles of Personality Traits and Vocational Interests in Explaining What People Want Out of Life. *Journal of Research in Personality*, 86, 1–37. <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2020.103939>

- Turiano, N. A. (2020). Conscientiousness. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *Encyclopedia of Personality and Individual Differences* (pp. 848–853). Springer.
- Yakcop, J., & Chua, Y. P. (2017). Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1–12.
- Yaro, I., Arshad, R., & Salleh, D. (2016). Education Stakeholder's Constraints in Policy Decisions for Effective Policy Implementation in Nigeria. *British Journal of Education, Society & Behavioural Science*, 14(1), 1–12. <https://doi.org/10.9734/bjesbs/2016/22606>
- Azad Iqram bin Nadmilail  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: p107060@siswa.ukm.edu.my
- Mohd Effendi @ Ewan Bin Mohd Matore  
Kumpulan Penyelidikan Universiti (KPU) Penilaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Email: effendi@ukm.edu.my
- Siti Mistima binti Maat  
Kumpulan Penyelidikan Universiti (KPU) Penilaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Email: sitimistima@ukm.edu.my